



21 JUL, 2023

Tiada lagi makanan asas diimport dalam 10 tahun

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Tiada lagi makanan asas diimport dalam 10 tahun

Kerajaan laksana pelbagai inisiatif capai sasaran 100 peratus tahap sara diri

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Klang: Kerajaan menetapkan sasaran 10 tahun untuk mencapai 100 peratus tahap sara diri (SSL) bagi beberapa bahan makanan asas termasuk beras, ikan, ayam dan sayur-sayuran.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata kementeriannya sedang berusaha memperkuatk jaminan makanan dengan bantuan petani.

"Tekad kita dalam tempoh 10 tahun ini, negara akan mencapai 100 peratus SSL khususnya bagi makanan asas seperti beras, ikan, ayam dan sayur-sayuran," katanya ketika berucap merasmikan Bangunan Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Klang, semalam.

Malaysia mencapai 100 peratus SSL untuk 26 bahan makanan terpilih yang sebahagian besarnya adalah buah-buahan dan sayur-sayuran.



Mohamad Sabu (tengah) bersama penerima bantuan pada Perasmian Bangunan Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Klang, semalam.
(Foto Faiz Anuar/BH)

Telur ayam dan itik adalah satut-satunya item di bawah kategori protein penting yang mana SSL melebihi 100 peratus.

Sebelum ini dilaporkan beberapa buah-buahan dan sayur-sayuran tidak mencapai sasaran 100 peratus SSL termasuk cili, halia, kubis, mangga dan kela-pa.

Mohamad berkata Malaysia masih belum mencapai 100 peratus SSL untuk beras dan kementeriannya sedang berusaha untuk meningkatkan pengeluaran ruji itu.

Minggu lalu, Perdana Menteri mengumumkan projek menaik-

taraf infrastruktur padi berjumlah RM3 bilion," katanya sambil menambah bahawa kerajaan berharap pesawah dapat meningkatkan pengeluaran mereka.

Bekalan lepas tahap getir

Sementara itu, Mohamad memaklumkan bekalan telur serta ayam kini melepassi tahap getir dan kembali pulih dengan ada peniaga mula menurunkan harga ayam.

Beliau berkata, perkembangan itu adalah hasil usaha kementerian demi memastikan bekalan di pasaran mencukupi untuk pengguna.

"Sudah pulih (isu bekalan) bahkan ada tempat harga ayam sudah mula turun jadi usaha gigih termasuk dialog dengan persatuan penternak berhasil.

"Kita harap tidak ada krisis baru dan sebagainya yang boleh menjadikan import bijirin jagung dan soya sebab bijirin jagung kita masih di tahap permulaan penanaman dan lambat lagi untuk mencukupi bekalan," katanya.

Mohamad turut memaklumkan bekalan beras di seluruh negara mencukupi, namun mengaku terdapat kekurangan beras tempatan di beberapa kawasan.



21 JUL, 2023

Tiada lagi makanan asas diimport dalam 10 tahun

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kerajaan laksana pelbagai inisiatif capai sasaran 100 peratus tahap sara diri

Klang: Kerajaan menetapkan sasaran 10 tahun untuk mencapai 100 peratus tahap sara diri (SSL) bagi beberapa bahan makanan asas termasuk beras, ikan, ayam dan sayur-sayuran. Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata kementeriannya sedang berusaha memperkuuh jaminan makanan dengan bantuan petani.